



Pemasangan sensor jarak dan corak larian pada kasut pengadil.

UMS buat kajian pengadil ragbi

BH 20.6.13 v6

Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerusi Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS) menjalankan kajian terhadap beberapa pengadil ragbi tujuh sebelah di negara ini bagi merangka strategi mutu pengadilan terbaik dalam acara sukan itu.

Penyelidikan diketuai pensyarah program Sains Sukan, Dr Mohamad Nizam Nazarudin itu turut melihat perbandingan kadar nadi dan jarak yang dipelopori seseorang pengadil ketika mengadili perlawanan ragbi selain melihat corak langkah pergerakan mereka.

Katanya, kajian itu penting bagi

menilai keperluan seorang pengadil ragbi yang sedang mengadili sesuatu perlawanan merangka strategi mutu pengadilan yang baik.

“Kajian dibuat ekoran wujud rungutan daripada pemain dan pengurusan pasukan terhadap prestasi pengadil ragbi. Oleh itu, saya bersama pasukan penyelidik berharap agar kajian yang dilaksanakan ini mampu memberi sesuatu sumbangan yang baik kepada sukan ragbi khususnya kepada pengadil acara sukan ini di Malaysia.

“Alat yang digunakan bagi menjayakan kajian itu dikenali sebagai Polar Personal Trainer RC3 GPS,

iaitu sejenis alat yang menggunakan teknologi pengesan nadi, jarak dan corak larian yang dipasang pada bahagian dada serta kaki,” katanya.

Kaedah kajian

Beliau yang juga penilai pengadil ragbi antarabangsa berkata, kajian dijalankan ke atas empat pengadil utama di negeri ini yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang pengadilan ragbi di Malaysia seperti mengadili kejohanan Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) dan Asean Rugby Football Union (ARFU).